

23 MAR 1996

Ling - Jambatan (Bergambar)

MALAYSIA NEGARA PERTAMA DI ASIA PASIFIK PUNYAI JAMBATAN TELUS CAHAYA

PULAU PINANG, 23 Mac (Bernama) -- Malaysia akan menjadi negara pertama di rantau Asia Pasifik mempunyai kemudahan jambatan telus cahaya di lapangan terbang yang membolehkan penumpang menyaksikan pemandangan di sekitar lapangan terbang sebelum menaiki pesawat.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, jambatan itu akan dipasang di lapangan terbang di seluruh negara. Jambatan itu yang menggunakan dinding kaca yang tidak menyerap haba menggantikan jambatan sedia ada menggunakan dinding besi.

Setakat ini jambatan itu sedang dipasang secara percubaan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz, Subang dan akan diuji oleh sekumpulan pegawai dari Stockholm tidak lama lagi.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendapat idea untuk membina jambatan itu ketika lawatannya ke Munich," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis taklimat Malaysia Airport Berhad (MAB) mengenai projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL) di sini.

Ling berkata, Malaysia yang diliputi pokok-pokok hijau boleh ditonjolkan kepada penumpang luar sebagai tarikan pelancong.

Beliau berkata, Pulau Pinang pula menjadi negeri pertama mempunyai jambatan seumpama itu. Sebanyak lapan buah jambatan akan dipasang mulai April ini.

Katanya, jambatan itu, yang masing-masing sepanjang 17 meter dan bernilai RM19.1 juta diimport daripada Syarikat Jetway, Amerika Syarikat dan akan tiba di Pulau Pinang akhir bulan ini.

Selepas Pulau Pinang, jambatan seumpama itu akan dibina di lapangan terbang Johor Baharu, Miri dan Sibiu.

Ling juga mengumumkan program pembesaran LTABL dan pembinaan terminal kargo kedua di situ bagi menampung jumlah penumpang dan kargo yang bertambah.

Beliau berkata, MAB akan meluaskan bangunan terminal sebanyak 23,000 meter persegi yang meliputi keperluan seperti meluaskan tempat meletak pesawat, tempat letak kereta dan pusat perniagaan.

Terminal kargo kedua yang akan dibina boleh menampung muatan sehingga 400,000 tan metrik. Setakat ini, LTABL hanya mampu mengendalikan kira-kira 93,000 tan metrik setahun.

Bagi projek meningkatkan mutu landasan, Jabatan Kerja Raya sedang menjalankan kerja penurapan semula kawasan itu membabitkan RM7.6 juta.

Mengenai keperluan membina sebuah lapangan terbang antarabangsa bagi wilayah utara, beliau berkata, kerajaan akan menilai kesan perkhidmatan Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang (KLIA) terhadap lapangan terbang wilayah sama ada ia sesuai atau sebaliknya.

Katanya, peranan lapangan terbang wilayah juga akan ditentukan sama ada ia boleh menjadi sebuah lapangan terbang yang baik serta bertindak sebagai penyokong KLIA.

Mengenai jawatan penting untuk MCA dalam pentadbiran kerajaan di peringkat negeri, Dr Ling yang juga Presiden parti berkata, terpulang kepada Barisan Nasional untuk membuat keputusan mengenainya. -- BERNAMA

ZU FAZ